

# Kaedah Ulama Ahl al-Sunnah memahami Ayat-ayat Mutashābihāt dalam Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah: Suatu Analisis Perbandingan

## *Methodologies of The Ahl Sunnah's Scholars in Understand Mutashabihat Verses According to Risalah Manhaj Ahl Sunnah: An Analysis*

Nor Zuhairah Binti Zulkiflee<sup>1</sup> & Wan Mohd Fazrul Bin Wan Razali<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup> Jabatan Akidah dan Pengajian Agama, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Malaysia;

Progres Artikel

Diterima: 4 Mac 2020

Disemak: 10 April 2020

Diterbitkan: 31 Mei 2022

\*Perhubungan penulis:

Nur Zuhairah Zulkiflee, Jabatan

Akidah dan Pengajian Agama,

Universiti Sains Islam Malaysia,

Nilai, Malaysia;

Email:

norzuhairahz@raudah.usim.edu.my

**Abstrak:** Makalah ini membicarakan mengenai Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah, sebuah kitab akidah tulisan Abdul Qadir bin Hj. Wangah. Beliau adalah ulama dari Fatani dan lebih dikenali sebagai Baba Dir atau Ayah Dir Sekam dalam kalangan penuntut ilmu dan anak-anak murid beliau. Dalam Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah, Baba Dir menengahkan pegangan ulama salaf dan khalaf apabila berdiskusi dan memahami ayat-ayat *mutashābihāt* terutamanya yang berkaitan dengan zat dan sifat Allah. Beliau membangkitkan kekeliruan yang timbul dalam kalangan masyarakat mengenai pentafsiran ayat-ayat *mutashābihāt* dalam risalah beliau ini. Oleh itu, makalah ini membincangkan mengenai kaedah-kaedah yang digunakan oleh ulama pada zaman Nabi Muhammad SAW dan selepasnya dalam mentafsir dan memahami ayat *mutashābihāt*. Selepas Islam mula berkembang di serata dunia, percampuran budaya mula berlaku dan ramai manusia yang bukan Arab mula memeluk Islam. Disebabkan itu, munculnya fahaman-fahaman, pentafsiran yang meragukan dan bertentangan dengan sifat Allah yang suci, yang menyamakan sifat Allah dengan sifat makhluk. Kelompok yang ekstrem seperti mujassimah, mushabbihah dan mucatīlah mempunyai fahaman yang jauh tersasar daripada landasan yang sepatutnya. Oleh itu, masyarakat awam memerlukan bimbingan dan pentafsiran daripada ulama Ahl al-Sunnah untuk menangkis tafsiran mereka yang salah ini. Sekali gus, ini dilakukan untuk membetulkan fahaman masyarakat awam tentang ayat yang selalu dikelirukan maknanya ini. Makalah ini menggunakan kaedah kualitatif, yang secara spesifiknya menggunakan kaedah analisis kandungan, ke atas kitab Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah. Hasil dapatan daripada kajian ini mendapati ulama Ahl al-Sunnah wa Jama'ah menggunakan kaedah ta'wīl dan tafwīd sebagai cara untuk memahami ayat-ayat *mutashābihāt*. Kaedah ulama Salaf dan Khalaf ini adalah kaedah yang sederhana berbanding pelbagai kaedah yang wujud dalam membincangkan ayat-ayat sifat yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah.

**Kata kunci:** Muḥkamāt, *mutashābihāt*, Salaf, Khalaf, kitab Jawi;

**Abstract:** This article is about Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah, a theology book written by Abdul Qadir bin Hj. Wangah, a Fathani's scholar. He was well known as Baba Dir or Ayah Dir Sekam among his students. In this book, Baba Dir highlights the manner of the Salaf and Khalaf scholars in discussing and understanding the verses of *mutashābihāt* especially those related to the Essence and Attributes of Allah SWT. He brought up few confusions that arose among the society regarding the interpretation of *mutashābihāt* verses. This article

discussing on methodologies that were used by Salaf and Khalaf in interpret and understand the verses. These issues arose because of the expanding Islam around the globe and many non-Arabs tribes embrace Islam. Consequently, arose many misinterpretations and extremes schools which compares Allah with His creations. Even there are extreme in handling *mutashābihāt* verses like *mujassimah*, *mushabbihah* dan *mucattilah*. Therefore, guidance and right ways are needed from scholars Ahl al-Sunnah to understand these ambiguous verses rightly. Through qualitative content analysis on *Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah*, this article found that most of the Ahl al-Sunnah scholars are using *ta'wīl* and *tafwīd* methodologies in handling *mutashābihāt* verses. Their methods are intermediate and acceptable compared to the other methods in interpret obscure verses in the Qur'an and al-Sunnah.

**Keywords:** Muḥkamāt, mutashābihāt, Salaf, Khalaf, kitab Jawi;

## Pengenalan

Al-Qur'an adalah suatu risalah wahyu yang sering dibincangkan kerana fenomenanya menjangkau satu alam semesta dan boleh disesuaikan dengan pelbagai keadaan, tradisi atau teori sains. Meskipun begitu, penjelasan yang ada dalam kitab suci ini tidak dapat difahami sepenuhnya oleh akal manusia biasa. Hanya mereka yang sempurna terlatih dan terpilih sahaja yang mampu untuk memahami maksudnya. Oleh kerana itu, banyak pihak cuba untuk memahami maksud di sebalik ayat-ayat yang terkandung dalam al-Qur'an ini berdasarkan akal dan fahaman mereka sendiri, tanpa merujuk kepada tafsiran oleh kelompok yang diakui kesahihannya. Keyakinan yang berkaitan dengan tauhid dan pegangan seseorang menurut Ahl al-Sunnah wa Jama'ah mestilah berlandaskan kepada dalil-dalil dan huraian yang bersifat pasti (qat'i) dari al-Qur'an, hadith, ijmak ulama serta berdasarkan akal yang sihat.

Penuluran fahaman yang ekstrem di tengah-tengah masyarakat Islam memungkinkan perbincangan dan penjelasan yang lanjut daripada ulama Ahl al-Sunnah untuk menjernihkan kembali ajaran yang salah dan pentafsiran batil yang lebih cenderung terhadap penyerupaan Allah SWT kepada makhluk. Kasih dan cintanya seorang ulama akan ilmu, memungkinkan Baba Dir Sekam untuk mengambil satu inisiatif untuk menulis dan menjelaskan kembali perbincangan-perbincangan ulama dunia Arab agar mudah difahami oleh masyarakat Nusantara. Dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan kitab lama ulama Pattani yang masih diguna pakai oleh tenaga pengajar agama terutamanya dalam membincangkan metodologi memahami ayat *mutashābihāt*.

## Tinjauan Literatur


Ulama-ulama Islam berusaha sedaya upaya untuk mempertahankan kesucian agama Islam dan ajarannya

supaya tidak terpesong akibat daripada penuluran ajaran dan fahaman yang sesat. Disebabkan itu para ulama mula mengambil langkah untuk membukukan dan menjelaskan kepada masyarakat awam ajaran-ajaran agama yang sebenarnya untuk mengelakkan masyarakat awam daripada terpengaruh dengan gejala ajaran sesat dan fahaman yang menyeleweng. Salah seorang ulama besar di Fatani iaitu Syeikh Abdul Qadir bin Hj. Wangah juga turut mengambil inisiatif untuk membukukan perbincangan-perbincangan yang berkaitan dengan akidah, usuluddin, fiqh dan sebagainya, namun beliau lebih menumpukan berkenaan isu akidah berbanding dengan ilmu-ilmu yang lain<sup>1</sup>. Inisiatif pembukuan tulisan-tulisan ini dianggap sebagai satu cara untuk beliau menjaga khazanah ilmu daripada hilang ditelan zaman.

Syeikh Abdul Qadir adalah penulis *Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah*, dengan nama penuh Haji Abdul Qadir bin Abdul Latif bin Othman. Terkenal dengan gelaran Baba Dir Sekam. Gelaran Sekam diambil bersempena tempat kelahiran beliau iaitu Kg. Sekam, Palas, Patani. Lahir pada tahun 1921 Masihi dan meninggal dunia pada 1991 Masihi. Antara murid beliau adalah Baba Ismail Sepanjang dan Baba Ghazali (Baba Li) yang kini menjadi mudir (pengetua) pondok Maahad Islami yang diasaskan oleh Baba Dir Sekam. Keduanya banyak membuat kuliah-kuliah agama di Thailand dan Malaysia.

<sup>1</sup> Ahmad Fathy Al-Fathoni. 25 Januari 2012. "Sheikh Abd Qadir Hj Wangah (Baba Dir Sekam) Tokoh Ulama Usuluddin Dari Fathoni". Ibadurrahman <https://Ibadurrahman99.Wordpress.Com/2012/01/25/Sheikh-Abd-Al-Qadir-Hj-Wangah-Ayah-Dir-Sekam-Tokoh-Ulama-Usuluddin-Dari-Fathoni/>.

### Rajah 1. Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah



Antara kitab karangan Baba Dir ialah Taqrīb al-Ikhwān Fi Ta'lim 'Aqā'id al-Imān<sup>2</sup>, Mabhath al-Kalām fī 'Ilm al-Kalām<sup>3</sup>, Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah dan sebagainya. Kitab-kitab ini merupakan antara kitab warisan karangan beliau sendiri yang meliputi bab akidah yang menjadi khazanah penting dalam dunia ilmu Islam yang berlandaskan fahaman Ahl al-Sunnah wa Jama'ah. Kitab ini kebanyakannya diajarkan di pusat-pusat pengajian pondok, masjid-masjid dan surau-sarau.

Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah adalah sebuah kitab akidah bertulisan Jawi karangan Haji Abdul Qadir bin Hj. Wangah. Kitab ini diterbitkan di Fatani sebanyak 37 muka surat. Risalah ini membahaskan metodologi dalam berinteraksi dengan ayat-ayat *mutashābihāt* yang terkesan dengan penyelewengan fahaman liberal<sup>4</sup>. Beliau menulis kitab ini dengan huraian yang ringkas namun jelas mesej akidah yang disampaikan tanpa menggunakan istilah-istilah yang sukar difahami oleh masyarakat tempatan. Beliau menggunakan sudut pandang ulama Ahli al-Sunnah muktabar seperti al-Shafi'iy, Maliki, Ibn

Shihab dan lain-lain dalam mengutarakan penjelasan berkenaan isu ayat-ayat *mutashābihāt*.

Biarpun kitab Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah ini mempunyai bilangan muka surat dan perbahasannya yang sederhana, namun kandungan kitab turāth ini mencakupi perbincangan yang berkaitan dengan sifat-sifat Allah dan ayat *mutashābihāt* yang lain. Perbincangan yang dibuat oleh Baba Dir dalam kitab beliau ini sangat ringkas namun penulisannya mudah difahami dan padat dengan input-input yang penting agar menjadi benteng kepada masyarakat awam daripada terpengaruh dengan fahaman yang menyeleweng, terutamanya terhadap masyarakat di Nusantara.

### Metodologi

Rujukan atau sumber untuk membina suatu metodologi adalah asas yang paling penting untuk mengukur dan menilai metodologi tersebut. Sehubungan dengan itu makalah ini menggunakan kaedah kualitatif dan kajian teks di mana kajian perpustakaan dan analisis teks asal digunakan. Ini melibatkan penggunaan sumber rujukan primer iaitu: Al-Quran dan kitab Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah, serta beberapa sumber sekunder sebagai bahan kajian. Antara bahan sekunder yang menjadi rujukan ialah buku-buku, jurnal akademik, artikel dan kajian akademik yang lepas yang berkaitan dengan isu *mutashābihāt* mengikut perspektif Ahl al-Sunnah. Dua bentuk sumber kajian ini sangat penting untuk mendapatkan maklumat dan seterusnya memahami perbincangan yang dibuat oleh ulama-ulama berkenaan isu ayat *muhkamāt* dan *mutashābihāt*.

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

#### *Risalah Manhaj Ahl Al-Sunnah Dalam Memahami Ayat-Ayat Muhkamāt Dan Mutashābihāt*

Kitab Al-Qur'an mempunyai 30 juz dan terbahagi kepada dua bentuk ayat iaitu ayat *muhkamāt* dan *mutashābihāt*. Pengkelasan ini berdasarkan kepada ayat 7 di dalam surah al-Imran yang bermaksud, "*Dialah yang menurunkan Al Kitab (Al Qur'an) kepada kamu. Di antara (isi)nya ada ayat-ayat yang muhkamāt, itulah pokok-pokok isi al-Qur'an dan yang lain (ayat-ayat) mutashābihāt. Adapun orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan, maka mereka mengikuti sebahagian ayat-ayat yang mutashābihāt daripadanya untuk menimbulkan fitnah untuk mencari-cari ta'wilnya, padahal tidak ada yang mengetahui ta'wilnya melainkan Allah. Dan orang-orang yang mendalam ilmunya berkata:*

<sup>2</sup> Kitab Yang Berkaitan Dengan Teologi. Membincangkan Dan Menjelaskan Perihal Sifat-Sifat Tuhan Yang Berkaitan Dengan Sifat Al-Ma'ani Seperti Al-Kalam, Al-Qudrat Dan Lain-Lain.

<sup>3</sup> Berkaitan Dengan Teologi Islam Yang Meliputi Aspek Ketuhanan Dan Kenabian. Kitab Ini Juga Menjelaskan Secara Mendalam Tentang Maksud Al-Nafsiyyah, Al-Salbiyyah, Al-Ma'aniy Dan Al-Ma'nawiyah.

<sup>4</sup> Syed Salim bin Syed Shamsuddin, Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali, Mohammad Aizuddin Bin Abdul Aziz & Mohd Faisal Bin Mohamed. 2019. "Metodologi Penulisan Risalah Manhaj Ahli Sunnah Oleh Abdul Qadir Bin Wangah (Ayah Dir Sekam): Analisis Integrasi Ilmu Usul Fiqh, Usuluddin dan Mantik." *Jurnal Sains Insani*. Negeri Sembilan: Pusat Pengajian Teras. Vol. 4. (2). November. hlmn 39.

"Kami beriman kepada ayat-ayat yang *mutashābihāt*, semuanya itu dari sisi Tuhan kami". Dan tidak dapat mengambil pelajaran (daripadanya) melainkan orang-orang yang berakal."

Ayat di atas menjadi petunjuk bahawa al-Qur'an mempunyai ayat *mutashābihāt* dan *muhkamāt*. Perkataan *muhkamāt* di definisikan sebagai ayat yang mempunyai satu maksud sahaja<sup>5</sup> dan ianya terang, tegas dan dapat difahami dengan mudah<sup>6</sup>. Manakala ayat *mutashābihāt* ialah ayat yang tidak jelas maksudnya serta boleh difahami dengan pelbagai cara. Pembahagian ayat al-Qur'an adalah seperti yang ditunjukkan pada rajah di bawah:

Rajah 2. Pembahagian ayat al-Qur'an



Erti sebenar ayat al-Qur'an yang ingin disampaikan oleh Allah tidak dapat dijelaskan berdasarkan akal manusia semata-mata. Bahkan kaedah pembacaan bagi ayat ini juga turut diperselisihkan oleh ulama-ulama muktabar. Sesetengah ulama membahaskan perihal tempat berhenti bagi ayat di atas. Antara persoalan yang ditimbulkan adalah adakah tempat berhenti bagi ayat di atas terletak selepas kalimah Allah (*illa Allah*) ataupun persoalan yang kedua adakah selepas perkataan "golongan yang mendalam pengetahuannya (*wa al-Rāsikhūna fī al-ʿIlm*)?"

Menurut Ibn Khaldun, sesetengah ulama pada 500 tahun selepas zaman kenabian Rasulullah SAW, mereka membaca ayat ini dengan cara membaca perkataan 'dan' pada ayat di atas sebagai ayat yang baru, iaitu berhenti selepas kalimah Allah<sup>7</sup>. Ini kerana menurut mereka kaedah pembacaan ini lebih kuat berbanding kaedah

bacaan yang lain<sup>8</sup> iaitu kaedah bacaan ulama yang terkemudian seperti al-Ghazali dan Ibn Fawrak. Namun begitu, ulama yang terkemudian ini pula melihat kaedah pembacaan dengan meneruskannya tanpa berhenti selepas kalimah Allah. Mereka menganggap perkataan 'dan' itu sebagai kata hubung iaitu '.... tidak ada yang mengetahui ta'wilnya melainkan Allah dan orang-orang yang mendalam ilmunya'. Walaubagaimanapun, perbincangan ini hanyalah sebahagian daripada ijhtihad ulama untuk memahami ayat-ayat Allah SWT dengan lebih baik dan ianya hanyalah salah satu daripada cabang akidah yang mana boleh membenarkannya jika bersetuju ataupun meninggalkannya jika terdapat keraguan pada ijhtihad mereka.

Wahyu ini tidak hanya terdiri daripada ayat *muhkamāt* sahaja seperti mana yang difahami oleh sesetengah orang yang merujuk kepada surah Hud ayat 1 yang bermaksud "... kitab yang tersusun ayat-ayatnya dengan tetap teguh.." sebagai satu petunjuk bahawa al-Qur'an hanya terkandung satu bentuk ayat sahaja. Baba Dir menyatakan di dalam risalahnya bahawa ayat *muhkamāt* membawa makna yang meneguhkan segala ayat di dalam al-Qur'an dan menunjukkan ketiadaan keaiban serta kecacatan pada al-Qur'an<sup>9</sup>. Tambahan, Yusuf al-Qardhawi juga berpandangan bahawa konteks ayat ini bukanlah membawa makna al-Qur'an itu terbina daripada ayat *muhkamāt* sahaja kerana menurut beliau konteks ayat ini membawa kepada maksud tersusun dan teguh. Dan tiada bentuk-bentuk percanggahan pada lafaz dan makna pada ayat *muhkamāt*.<sup>10</sup> Demikianlah ayat *muhkamāt* dianggap sebagai ibu kepada hukum-hukum. Hal ini kerana ayatnya yang tetap dan jelas maksudnya. Para ulama juga tidak berselisih pendapat dalam hal *muhkamāt* ini kerana ayat-ayatnya telah jelas dan jauh daripada kecacatan pada lafaz dan maknanya serta tidak memerlukan takwilan lain untuk difahami.

Selain itu, Baba Dir turut membangkitkan isu ini di dalam risalah beliau bahawa ada yang mengatakan al-Quran itu terbina daripada ayat *mutashābihāt* kesemuanya kerana berdasarkan kepada surah al-Zumar ayat 23 "كِتَابًا مُّتَشَبِهَاتٍ..". Sesungguhnya pengertian *mutashābihāt* pada ayat di atas bermaksud ayat al-Qur'an itu serupa pada ketinggian balaghah dan mukjizatnya. Ayat-ayat yang ada dalam wahyu ini sama pada kehebatannya dalam memberi kesan kepada pembaca. Penjelasan-penjelasan yang diutarakan oleh Baba Dir ini telah menutup pintu sangkaan bahawa al-Qur'an itu terbina daripada ayat *muhkamāt* sahaja atau pun ayat *mutashābihāt* sahaja. Dan diteguhkan lagi

<sup>5</sup> Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali et al. 2012. *Akidah Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah di Malaysia: Cabaran dan Isu Kontemporari*. Negeri Sembilan: Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan. hlmn. 30

<sup>6</sup> Muhammad Idrus Ramli. 2009. *Madzhab al-Asy'ari: Benarkah Ahlul-sunnah Wal Jama'ah? Jawapan Terhadap Aliran Salafi*. Surabaya: Khalista. hlmn. 206.

<sup>7</sup> Abdullah bin Hamid Ali. 2011. What Ibn Khaldun Says About The Mutashabihat?. *LAMPOST: Education Initiative*. <https://www.lamppostproductions.com/what-ibn-khaldun-says-about-the-mutashabihat/>. 2.

<sup>8</sup> Ibid.

<sup>9</sup> Abdul Qadir bin Wan Ngah. t.th. *Risalah Manhaj Ahl Sunnah*. Fatani: Saudara Press. hlmn. 3.

<sup>10</sup> Dr. Yusuf al-Qaradhawi. 2014. *Isu Akidah antara Salaf dan Khalaf*. (trans.). Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd. hlmn.35.

kenyataan ini dalam ayat 7 surah al-Imran bahawa al-Qur'an ini terbina daripada dua jenis ayat.

Adapun ayat *mutashābihāt* tidak boleh dipegang secara zahir kerana asal perbuatan kufur berasal daripada pemahaman seseorang akan ayat yang samar-samar maknanya. Baba Dir berpegang kepada kata-kata ulama yang bermaksud sebahagian daripada asal kufur ialah yang mengambil dan berpegang dengan al-Qur'an dan hadith Nabi Muhammad saw secara zahir. Pegangan seperti ini boleh dilihat melalui puak-puak Nasrani Najran dan puak-puak Zahiriyyah yang beri'tiqad bahawa Allah mempunyai mata, tangan, telinga, muka dan sebagainya.<sup>11</sup>

Orang yang cenderung hatinya kepada kesesatan seperti di dalam ayat 7 surah al-Imran merujuk kepada pengikut-pengikut kelompok ahli bid'ah seperti Muktaẓilah dan yang seumpama dengannya.<sup>12</sup> Ayat ini memberi peringatan dan mengecam orang-orang yang mengikuti ayat *mutashābihāt* ini dengan tujuan untuk mencari fitnah. Sebagai contoh, kelompok *mushabbihah*, *mujassimah* yang telah mengelirukan masyarakat awam yang tidak mempunyai pengetahuan dalam perkara tersebut.<sup>13</sup> Mereka akan mereka-reka penjelasan dan memberi pentafsiran mengikut fahaman dan akidah mereka tanpa membuat kajian terlebih dahulu.

Ayat *mutashābihāt* boleh dikategorikan kepada dua bahagian. Pertama, ayat *mutashābihāt* yang pengertiannya hanya Allah sahaja yang tahu seperti ayat-ayat yang menunjukkan kepada hal-hal alam ghaib, hari kiamat, syurga, neraka dan lain-lain. Manakala yang kedua pula ialah ayat *mutashābihāt* yang pengertiannya dapat diketahui oleh orang-orang yang mendalam ilmunya.<sup>14</sup> Pengetahuan tersebut dapat diketahui setelah berusaha dan membuat kajian secara mendalam akan ayat-ayat tersebut.

Namun timbul pula satu persoalan lain yang dipersoalkan oleh orang ramai, dan turut dinyatakan oleh Baba Dir iaitu mengapakah Allah turut mewujudkan ayat *mutashābihāt* dan tidak mengadakan semuanya *muhkamāt* belaka? Persoalan ini kadang-kadang terbit juga di benak manusia bahawa kewujudan ayat-ayat yang tidak jelas ini memberi peluang kepada kelompok lain untuk mentafsirkannya tanpa ilmu pengetahuan dan mengelirukan orang awam. Akan tetapi setiap yang wujud di dunia ini tidak lain dan tidak bukan adalah untuk menguji manusia supaya menggunakan akal yang dikurniakan oleh Allah untuk belajar dan mencari sesuatu hukum. Penurunan ayat al-Qur'an dengan

beberapa jalan gaya bahasa Arab membuatkan kitab ini istimewa dan tidak mampu untuk ditandingi dan ditiru oleh akal manusia.<sup>15</sup>

Pemikiran seseorang juga tidak sama dan mempunyai pelbagai jenis. Ada yang berfikir dan melihat sesuatu ayat secara zahir. Ada yang melihat secara tersirat dan merasa tidak cukup jika hanya memahami secara zahir sahaja. Dan ada juga golongan yang menyerahkan maksudnya terus kepada Allah tanpa mentakwilkannya. Serta ada juga yang mentakwil makna sesuatu ayat itu mengikut kesesuaian. Disebabkan itu, al-Qur'an ini ditunjukkan kepada semua umat manusia, maka, semua yang diadakan oleh Allah itu ada hikmah dan pengajarannya bagi sesiapa yang berfikir dan bertaqwa kepada Allah.

### *Perbezaan Antara Ahl Al-Sunnah Wa Jama'ah Dengan Fahaman Lain*

Polemik dan perbincangan tentang ayat *mutashābihāt* semakin meluas di kalangan para ilmuwan sama ada daripada ulama Ahl al-Sunnah mahupun ulama dengan aliran yang berlainan. Ahl al-Sunnah boleh didefinisikan sebagai jalan yang ditempuhi oleh Nabi saw dan para sahabatnya yang selamat daripada syubhah dan hawa nafsu.<sup>16</sup> Menurut majoriti, para ulama bersepakat mengatakan bahawa mazhab al-Ash'ari dan mazhab al-Maturidi sebagai pengikut Ahl al-Sunnah. Pernyataan ini disokong oleh al-Zabidi yang mengatakan apabila disebut Ahl al-Sunnah maka fahamlah bahawa yang dimaksudkan itu adalah al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah.<sup>17</sup>

Majoriti kaum Muslimin mengikuti prinsip Ahl al-Sunnah ini sebagaimana yang ditegaskan seperti berikut:

"ليعلم أن أهل السنة هم جمهور الأمة المحمدية وهم الأصحبة ومن تبعهم في المعتقد أي في أصول الاعتقاد ... والجماعة هم السواد الأعظم".

"hendaklah diketahui bahawa Ahl al-Sunnah adalah majoriti umat Muhammad SAW. Mereka adalah para sahabat dan golongan yang mengikuti mereka dalam prinsip-prinsip akidah... sedangkan al-jama'ah adalah majoriti terbesar kaum Muslimin."<sup>18</sup>

<sup>11</sup> Abdul Qadir bin Wan Ngah. t.th. *Risalah Manhaj Ahl Sunnah*. Fatani: Saudara Press. hlmn. 4.

<sup>12</sup> Muhammad Idrus Ramli. 2009. *Madzhab al-Asy'ari: Benarkah Ahlussunnah Wal Jama'ah? Jawapan Terhadap Aliran Salafi*. Surabaya: Khalista. hlmn. 207.

<sup>13</sup> Ibid.

<sup>14</sup> Ibid.

<sup>15</sup> Abdul Qadir bin Wan Ngah. t.th. *Risalah Manhaj Ahl Sunnah*. Fatani: Saudara Press. hlmn. 3.

<sup>16</sup> Ibid. hlmn. 175.

<sup>17</sup> Muhammad Murtadha al-Zabidi. t.th. *Ithaf al-Sadat al-Muttaqin*. Vol.2. Beirut: Dar al-Fikr. hlmn. 6.

<sup>18</sup> Muhammad Idrus Ramli. 2009. *Madzhab al-Asy'ari: Benarkah Ahlussunnah Wal Jama'ah? Jawapan Terhadap Aliran Salafi*. Surabaya: Khalista. hlmn. 176.

Dalam al-Qur'an dan hadith Nabi Muhammad SAW terdapat ayat-ayat atau hadith-hadith yang berkaitan dengan ayat-ayat sifat yang boleh disangka menyerupai kepada makhluk jika dilihat pada maksudnya yang zahir. Antara ayat al-Qur'an yang menjadi perhatian dan perbincangan ialah

Ayat yang menggunakan lafaz <i>al-wajh</i> dan disandarkan kepada Allah. Dalam Surah al-Rahman ayat 27: "... dan akan kekal <b>wajah Tuhanmu</b> yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan"
Ayat yang menggunakan lafaz <i>al-Yad</i> dan disandarkan kepada Allah. Dalam Surah al-Fath ayat 10: "... <b>tangan Allah</b> di atas tangan mereka.."
Surah Yaasin ayat 71: "...tidakkah mereka melihat, bahawa kami menciptakan untuk mereka binatang, antara jenis-jenis makhluk yang <b>Kami ciptakan dengan tangan-tangan Kami</b> lalu mereka memilikinya"
Ayat yang menggunakan lafaz <i>al-Istawa</i> dan disandarkan kepada Allah. Surah Taha ayat 5: "Iaitu al-Rahman <b>yang bersemayam</b> di atas Arasy"
Ayat yang menggunakan lafaz yang membawa erti arah. Surah al-Fajr ayat 22: "dan (perintah) <b>Tuhanmu pun datang</b> , sedang malaikat berbaris-baris (siap sedia menjalankan perintah)"
Ayat yang menggunakan lafaz al-'ain dan disandarkan kepada Allah. Surah Hud ayat 37: "...dan buatlah bahtera dengan <b>mata-mata kami</b> .."

Manakala contoh hadith yang mempunyai lafaz yang sama maknanya dengan ayat sifat dalam al-Qur'an adalah seperti berikut: Abu Hurairah melaporkan, Rasulullah SAW bersabda "Allah menciptakan Nabi Adam seperti rupanya dan panjangnya 60 hasta...."<sup>19</sup>

Di atas adalah antara ayat-ayat dan hadith sifat yang disandarkan kepada Allah dengan sifat-sifat yang sekiranya disalah tafsir, akan kelihatan menyerupai makhluk. Pemahaman ayat ini secara literal boleh menyebabkan seseorang itu kufur kepada Allah kerana Allah adalah Maha Suci daripada sesuatu apa pun yang baharu dan tiada sesuatu pun yang serupa dengan-Nya. Ulama Ahl al-Sunnah turut meyakini bahawa Allah itu wujud tanpa arah dan tempat. *I'tiqad* inilah yang

membezakan kelompok Ahl al-Sunnah dengan kelompok yang lain dalam memahami ayat sifat.

Di dalam kitab *Mawaqifil Marjan* oleh Syeikh Muhammad Abdul Azim al-Zurqani, beliau mentafsirkan *mutashābihāt* ini sebagai suatu ayat yang mempunyai syubhah. Syubhah dari segi kiasan dan tidak diterima pada akal; sebagai contoh sesuatu yang ada itu tidak bertempat. Jika menurut pandangan yang zahir, mereka berpegang bahawa semua yang ada mesti bertempat.

Namun adanya Allah yang tidak berkehendak kepada tempat dan tiada yang sama seperti dengannya<sup>20</sup>. Pandangan mereka itu sangat meragukan dan mereka terlalu taasub dengan kaedah yang mereka pegang, sehingga setiap yang ada itu mesti bertempat. Allah itu ada, maka Allah juga mesti bertempat.<sup>21</sup> *Na'udhubillah min dhālik* daripada berfahaman sedemikian.

Apabila pegangannya adalah sesuatu yang wujud itu mesti bertempat maka kumpulan yang batil ini seperti kelompok *Mujassimah* mahupun *Mushabbihah* akan berpegang dengan beberapa dalil naqli yang boleh menguatkan lagi pegangan mereka sebagai contoh bahawa Allah al-Rahman itu duduk di atas Arasy. Ayat ini jika difahami akan zahirnya bahawa Allah mempunyai tempat iaitu Arasy sebagai tempatnya. Kemudian datang lagi ayat lain yang bermaksud "sesungguhnya kami akan menurunkan kitab al-Qur'an". Perkataan turun itu membawa maksud bahawa Allah berada di atas. Ayat-ayat ini secara zahirnya menunjukkan bahawa Allah itu bertempat. Dan hasilnya mereka tetap berpegang dengan fahaman tersebut bahawa setiap yang ada itu mesti bertempat.

Satu pertikaian lain bagi mereka yang masih meragui akan keberadaan Allah akan merujuk kepada perbuatan umat Islam yang mengangkat tangan dan mendongak ke langit ketika berdoa. Baba Dir menjelaskan bahawa perbuatan umat Islam ini hanyalah mengikut ajaran Rasulullah saw yang mengangkat tangan ketika berdoa. Perbuatan ini diriwayatkan oleh Saidina Umar al-Khattab yang bermaksud bahawa apabila Rasulullah saw mengangkat tangannya ketika berdoa, beliau tidak akan menurunkannya sehingga menyapu muka dengan kedua tangannya.<sup>22</sup> Situasi ini sama juga dengan amalan solat yang menghadap ke arah Baitullah di Mekah. Adakah kita ingin mengatakan bahawa Allah juga berada di dalam Ka'bah? Jauhilah daripada beranggapan bahawa Allah itu berada di langit mahupun di dalam Ka'bah.<sup>23</sup>

<sup>20</sup> Al-Quran. Ash-shura, 42:11.

<sup>21</sup> Baba Ismail Sepanjang. 12 Disember 2017. *Daurah Kitab Mawaqifil Marjan: Ayat Muḥkamāt & Mutashābihāt*. (Video). Kuala Terengganu: Youtube.

<sup>22</sup> Abdul Qadir bin Wan Ngah. t.th. *Risalah Manhaj Ahl Sunnah*. Fatani: Saudara Press. hlmn. 34-35.

<sup>23</sup> Ibid.

<sup>19</sup> Dr. Yusuf al-Qardhawi. 2014. *Isu Akidah antara Salaf dan Khalaf*. Terj. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd. hlmn. 48.



Bagi golongan *Mujassimah* dan *Mushabbihah*, mereka berpegang dengan sangkaan mereka sahaja. Golongan *Mujassimah* telah melakukan perbuatan bid'ah yang boleh membawa kepada kekufuran sehinggalah mereka membayangkan bahawa Tuhan itu tidak sempurna. Pegangan mereka itu sesat lagi menyesatkan. Sebahagian ulama menyatakan bahawa golongan ini melakukan bid'ah dan mereka kafir kepada Allah SWT. Manakala sebahagian yang lain pula membahagi-bahagikan kelompok ini. Sesiapa yang mengatakan Allah mempunyai jisim, seperti jisim-jisim yang lain, mereka kafir. Namun bagi sesiapa yang mengatakan bahawa Allah mempunyai jisim tetapi tidak seperti yang lain, mereka dikategorikan golongan yang melakukan bid'ah.<sup>24</sup>

Fahaman golongan ini boleh membawa kepada penyerupaan Allah SWT dengan makhluk-Nya. Al-Marhum bekas Mufti Sabah, Tuan Haji Said Ibrahim turut menyenaraikan beberapa keadaan yang boleh menyebabkan seseorang itu menjadi kufur dan membatalkan keislamannya dalam bab ketuhanan sebagaimana berikut:

1. Menyabitkan apa-apa sifat bagi Allah SWT yang Allah SWT sendiri nafikan sifat-sifat itu pada dirinya atau Rasulullah SAW nafikan sifat-sifat itu kepada Allah SWT. Sifat-sifat ini adalah seperti menyabitkan Allah SWT beranak, atau diperanakkan, atau berkawan dan bersahabat, atau mengantuk, tidur, lalai, lupa, mati atau apa sahaja kekurangan yang ada pada manusia.
2. Mengaitkan sesuatu sifat daripada sifat-sifat Allah pada diri seseorang, atau pada makhluk, atau membenarkan dakwaan mereka yang berkata, "pengetahuan aku adalah sama seperti pengetahuan Allah." Kekufuran ini dalam akidah Islam dan ilmu tauhid dinamakan, "*kufur al-Ithbāt*", iaitu kafir dengan sebab menyabitkan bersekutu bagi Allah SWT pada sifat kekurangan yang ada pada diri seseorang manusia.<sup>25</sup>

Sayidina Ali bin Abi Talib juga turut mengulas akan keberadaan Allah tanpa tempat dan arah yang bermaksud Allah itu ada sebelum adanya tempat. Dan keberadaan


Allah sekarang seperti keberadaan-Nya sebelum adanya tempat.<sup>26</sup>

كان الله ولا مكان وهو الآن على ما عليه كان

Justeru, apabila timbulnya pentafsiran dan fahaman yang sebegini, ulama-ulama Ahl al-Sunnah memiliki dua pandangan dalam menghadapi ayat-ayat *mutashābihāt*. Pegangan ulama Ahl al-Sunnah terbahagi kepada dua iaitu kaedah *tafwidh* yang kebanyakannya diikuti oleh kelompok salaf dan yang kedua ialah kaedah takwil yang banyak dipelopori oleh kelompok khalaf.

Salaf dan khalaf mempunyai kaedah dan pandangan yang berbeza dalam memahami maksud di sebalik ayat *mutashābihāt*. Ulama salaf lebih cenderung kepada pemahaman secara *tafwidh* ataupun menggunakan kaedah *takwil ijmalī*<sup>27</sup>. Manakala berbeza pula dengan ulama khalaf yang lebih kontemporari dan menggunakan kaedah *takwil tafsiī*, memberi penjelasan secara terperinci dalam memahami nas-nas yang tidak jelas maknanya. Namun begitu, tidaklah menjadi permasalahan kerana masing-masing menyucikan Allah daripada sebarang penyerupaan kepada makhluk. Perbezaan pandangan ini diketengahkan supaya masyarakat awam dapat menilai dan memahami permasalahan dan pegangan puak-puak *mushabbihah*, *muktazilah* dan *mujassimah* serta menerima penjelasan yang dibuat oleh ulama-ulama muktabar. Kaedah memahami *mutashābihāt* adalah seperti ditunjukkan pada rajah 3 berikut:

Rajah 3. Kaedah memahami *mutashābihāt*



Menurut pandangan Hasan al-Banna, ulama Salaf beriman dengan ayat-ayat *mutashābihāt* ini sebagaimana yang terdapat di dalam al-Qur'an. Tetapi menurut beliau kaum salaf ini akan menyerahkan maksud ayat-ayat tersebut kepada Allah SWT seperti perkataan tangan,

<sup>24</sup> Dr. Yusuf al-Qaradhawi. 2014. *Isu Akidah antara Salaf dan Khalaf*. Terj. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd. hlmn. 115.

<sup>25</sup> Muhammad Razif Mohammad Fuad. 2018. Al-Afkar 11: Implikasi Ucapan "Kalau Saya Tuhan. Saya Tak Jadikan Kamu. Dah Lama Saya Hapuskan.". *Mufti Wilayah Persekutuan*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/2361-al-afkar-11-implikasi-ucapan-kalau-saya-tuhan-saya-tak-jadikan-kamu-dah-lama-saya-hapuskan>

<sup>26</sup> Abu Manshur Abdul Qahir bin Thahir al-Baghdadi. t.th. *Al-Farq baina al-Firaq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. hlmn. 256.

<sup>27</sup> Takwil yang bersifat umum. Metodologi seperti ini bermaksud mengalihkan teks-teks *mutashābihāt* daripada makna literalnya tanpa memberikan maksud yang pasti terhadapnya dan menyerahkan maksud yang sebenarnya terus kepada Allah SWT.

mata, bersemayam dan lain-lain sebagaimana ianya datang tanpa mencari maksudnya yang lain. Mereka menerima perkara ini dengan hati yang lapang tanpa mempersoalkannya. Dan lebih baik bagi seseorang itu untuk tidak mereka-reka ataupun menyebut sifat-sifat yang tidak ada bagi Tuhan kerana kemuliaan dan kehormatan orang Islam muncul apabila mereka tidak menyebut sesuatu yang tidak terkandung di dalam Qur'an mahupun Hadith. Perbuatan ini sama seperti menolak sifat ke atas Allah dan amat dibenci oleh Allah.

Berpandukan kepada kaedah *tafwidh/takwil ijmalī*, para ulama salaf dan sesetengah ulama khalaf tidak memberi maksud akan ayat *mutashābihāt* sebagaimana berikut

1. Surah Taha: 5: "Tuhan al-Rahman beristiwa di atas Arasy"
2. Surah al-Fajr: 22: "dan datanglah Tuhanmu"
3. Begitu juga di dalam hadis daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Pada setiap malam Tuhan akan selalu turun ke langit dunia ketika waktu tinggal sepertiga malam yang terakhir..."<sup>28</sup>

Majoriti ulama yang menggunakan metode *takwil ijmalī* ini tidak memberikan maksud kepada perkataan "*istawa*" ataupun mentafsirkan maksud datang dan turunnya Tuhan. Keadaan ini hanya merujuk kepada makhluk sahaja dan Allah suci daripada sesuatu yang bergerak, berpindah-pindah, naik mahupun turun. Ayat-ayat tersebut jika difahami secara literal boleh menimbulkan kefahaman yang menyimpang daripada fahaman asal. Kerana ianya mempunyai maksud yang tersendiri dan hanya Allah sahaja yang mengetahuinya.

Pemahaman secara terus akan ayat-ayat yang samar ini juga boleh menyebabkan perselisihan dengan ayat al-Qur'an yang lain. Sebagai contoh surah al-Baqarah ayat 115 yang bermaksud "*dan kepunyaan Allah-lah timur dan barat, maka ke mana pun kamu menghadap di situlah wajah Allah..*" ataupun daripada surah al-Ṣāffāt ayat 99 yang bermaksud "*sesungguhnya aku pergi menuju kepada Tuhanku dan dia memberi petunjuk kepadaku*". Dua ayat ini sudah menunjukkan perselisihan akan keberadaan Allah jika kita melihat maksudnya secara literal. Ayat pertama jika difahami bahawa Tuhan berada di segenap arah muka Bumi, di timur, barat, utara, selatan. Dan ayat yang kedua pula menunjukkan Tuhan berada di Palestin pula. Bagaimana mungkin Allah berada di pelbagai tempat yang berbeza. Pentafsiran secara zahir ini memungkinkan bahawa Tuhan berbilang dan bertempat. Sekiranya dibiarkan, boleh membawa kepada perselisihan dan kefahaman kepada manusia bahawa al-Qur'an itu tidak sempurna

dan tidak tetap. Perselisihan ini tidak seharusnya terjadi terhadap al-Qur'an kerana ianya suci daripada segala kecacatan pada lafaz mahupun makna.

Allah SWT berfirman di dalam surah al-Nisa ayat 82 yang bermaksud "*maka apakah mereka tidak memperhatikan al-Qur'an? Kalau kiranya al-Qur'an itu bukan dari sisi Allah, tentulah mereka mendapat banyak pertentangan di dalamnya*" Oleh itu merujuk kepada kaedah yang diaplikasikan oleh salaf ini, mereka akan mengembalikan maksud yang sebetulnya kepada Allah tanpa memahaminya secara literal. Seterusnya menyandarkan pemahaman ini kepada ayat *muḥkamāt* bahawa tiada sesuatu pun yang serupa dengan Tuhan sekalian alam.

Kaedah yang kedua pula ialah kaedah takwil yang diguna pakai oleh ulama khalaf seperti al-Ghazali, Fakhrudin al-Razi dan sebahagian ulama Salaf seperti Ibn Jauzi, al-Haramayn. Tidak ramai ulama salaf yang menggunakan kaedah ini namun penglibatan mereka tetap ada. Mereka yakin akan makna ayat-ayat itu bukan seperti yang dikehendaki oleh Allah SWT. Ulama yang terkemudian ini menganggap tidak salah untuk mereka mentakwil perkataan-perkataan seperti *al-wajh*, *al-yad* kerana mereka berpendapat bahawa ayat-ayat tersebut berada dalam bentuk *majaz*<sup>29</sup>. Ulama-ulama ini mengalihkan pengertian yang literal kepada suatu makna yang memastikan kesucian sifat Tuhan tetap terpelihara dan suci dari arah, tempat dan lain-lain makna yang boleh menyerupai makhluk. Oleh itu, ulama khalaf mentakwil perkataan *istawa* itu dengan maksud kekuatan, *al-yad* dengan maksud kuasa, *al-wajh*; zat Allah.

Tujuan ijtihad kelompok khalaf ini adalah untuk memberi pemahaman yang jelas kepada umat Islam yang bukan berbangsa Arab, yang kurang memahami gaya bahasa dalam al-Qur'an dan untuk menjauhkan manusia daripada salah faham terhadap penggunaan perkataan tersebut. Penyebaran agama Islam secara meluas dan seiring dengan peredaran masa memungkinkan ulama-ulama silam mengambil tindakan untuk mengalihkan maksud yang zahir kepada suatu maksud yang seimbang dan sesuai dengan sifat Allah yang Maha Agung. Dan jika dilihat dalam konteks zaman sekarang, masyarakat lebih cenderung kepada penjelasan yang jelas dan tidak berada dalam mode berdiam diri akan perkara yang melibatkan agama.

Menurut al-Razi dalam hal ini, beliau lebih memilih untuk menggunakan akal dalam menjelaskan nas-nas Qur'an<sup>30</sup>. Penggunaan akal dalam hal ini menurut beliau

<sup>29</sup> Majaz merupakan seni bertutur yang memungkinkan terjadinya perluasan makna dan berfungsi untuk mengalihkan makna dasar yang sebenarnya. Maksud *majaz* ini berlawanan dengan kata *haqiqah* yang bermaksud tetap dan nyata.

<sup>30</sup> Mustafa bin Abdullah & Ahmad Nazri bin Zainol. 01 December 2011. "Ayat Sifat Menurut Tafsiran Fakhr Al-Dīn

<sup>28</sup> Muslim. n.d. *Sahih Muslim*. (Internet). The Book of Prayer – Traveller. Juz` 6. #201. <https://sunnah.com/muslim:758a>.



dikira suatu kaedah yang paling penting untuk mengelakkan sebarang salah faham dan pentafsiran yang salah. Tidak mudah untuk mentafsir nas-nas ini kerana para ulama perlu mahir dalam gaya bahasa Arab dan pemilihan maksud yang sesuai mengikut struktur ayat Qur'an.

Pemilihan makna yang sesuai yang berkemungkinan untuk disandarkan kepada perkataan asal itu memerlukan penelitian yang sangat terperinci dan menjaga. al-Razi mengatakan dalam kitab *Asas Taqdis*, "ketahuilah, sesungguhnya nas-nas al-Qur'an tidak mungkin difahami secara zahir<sup>31</sup> kerana maksud perkataan yang zahir itu tidak masuk akal dan perlu kepada takwilan dengan perkataan yang baru dan sesuai dengan maksud yang dapat diterima akal manusia.

Namun begitu, antara kedua-dua golongan ini ada yang mempersoal dan memperselisihkan yang mana satu lebih utama. Adakah kaedah salaf atau khalaf yang lebih utama dalam hal ini? Bagi mereka yang taasub dengan pegangan sendiri, tentulah mereka menyokong aliran masing-masing dan tidak membenarkan kaedah yang tidak sama seperti mereka. Malah ramai daripada golongan salaf menyatakan bahawa terdapat jurang yang besar di antara dua puak ini dalam isu ayat-ayat sifat. Seumpama perbezaan antara hak dan batil, kebaikan dan keburukan. Bahkan ada yang lebih ekstrem menyatakan bahawa perbezaan mereka seperti antara iman dan kufur. Perbandingan yang melibatkan kekufuran ini adalah sesuatu hal yang besar. Tidak dapat dinafikan bahawa usaha ulama yang mentakwilkan ini adalah daripada kalangan tokoh besar umat Islam. Antaranya ialah al-Haramayn, Ibn Hazm, Ibn Arabi, dan Ibn Hajar.

Hasan al-Banna yang juga salah seorang tokoh salaf mengatakan bahawa pentakwilan daripada tokoh-tokoh khalaf ini tidak membawa kepada tahap kufur atau fasik.<sup>32</sup> Usaha golongan khalaf ini selagi tidak menyimpang daripada agama dan usul, seseorang itu tidak boleh menuduh mereka sebagai kufur kerana masih berada dalam landasan agama.

Pegangan salaf dan khalaf jika diperhatikan dan diteliti mempunyai banyak persamaan. Meskipun terdapat banyak perselisihan antara kedua golongan ini yang berpunca daripada ketaasuban dengan kaedah masing-masing, namun, dua golongan ini berpegang dengan kaedah yang pada akhirnya menyucikan Allah dari apa-apa sifat yang tidak harus bagi Allah. Kedua-dua golongan ini meyakini bahawa maksud sebenar ayat-ayat sifat bukanlah yang difahami secara zahir kerana mereka

percaya dengan teguh bahawa sifat Allah itu jauh daripada sesuatu yang boleh menyamakan-Nya dengan makhluk.

Sebetulnya ruang pertentangan antara keduanya tidaklah terlalu besar dan hanya bersifat luaran sahaja. Bahkan menurut Hasan al-Banna perselisihan antara ulama dua zaman ini tidak perlu diperbesar dan dirumitkan kerana keduanya juga berpegang pada pentakwilan. Tetapi yang membezakannya adalah pada keperluan dalam memberi makna pada pentakwilan tersebut.<sup>33</sup> Makna-makna yang dibuat oleh ulama khalaf khususnya adalah untuk memberi kefahaman yang teguh kepada masyarakat awam bagi menjaga akidah mereka dan mendorong minat orang bukan Islam untuk kembali kepada fitrah beragama.

## Penutup

Ilmu warisan ulama silam karangan Abdul Qadir bin Hj. Wangah ini dalam kitabnya *Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah* tidak terkira nilai sumbangannya kerana telah menghasilkan satu rujukan yang penting dalam bab akidah umat Islam dalam berhadapan dengan isu ayat sifat ini. Demi memahami isi kandungan ayat-ayat Allah ini, tokoh ulama silam dan kontemporari berusaha untuk memberikan penjelasan yang seadilnya dan pada masa yang sama berusaha untuk menjaga kesucian Tuhan yang Esa. Namun begitu, ramai manusia mempersoalkan isi kandungan wahyu ini yang terbina daripada dua jenis ayat; *muhkamāt* dan *mutashābihāt*. Sedangkan jika diteliti dengan hati yang tenang dan akal yang sihat, Allah menurunkan ayat *mustashābihāt* ini adalah untuk menunjukkan kekuasaan-Nya kepada manusia agar manusia berfikir dan mengungkapkan rahsianya menggunakan akal yang rasional dan dibantu oleh sumber-sumber yang qat'i.

Ada segelintir pihak cuba mengambil kesempatan untuk mentafsirkan ayat-ayat yang tidak jelas maksudnya walaupun mereka tidak mempunyai ilmu tentangnya. Kumpulan-kumpulan yang sesat seperti *Mujassimah*, *Mushabbihah* berusaha untuk mempersoalkan isu ayat yang samar ini dengan tujuan untuk mengelirukan orang yang tidak arif tentang hal ini dan menyesatkan mereka. Kerana kesamarannya, para ulama berbeza pendapat dalam mendefinisikannya secara pasti. Namun golongan salaf dan khalaf ini keduanya mempunyai tujuan yang sama iaitu menyucikan Allah daripada sesuatu yang tidak layak bagi-Nya.

## Rujukan

Al-Qur'an. Tafsir Ibn Kathir.

Al-Rāzī Dalam Karyanya Tafsīr al-Kabīr. *QURANICA: International Journal of Quranic Research*. Bil. 1. <http://mjs.um.edu.my/index.php/quranica/issue/view/793>. hlmn.12.

<sup>31</sup> Dr. Yusuf al-Qaradhawi. 2014. *Isu Akidah antara Salaf dan Khalaf*. (trans.). Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd. hlmn. 57.

<sup>32</sup> Ibid. hlmn. 284.

<sup>33</sup> Ibid. hlmn. 60.

- Muslim. (n.d). *Sahih Muslim*. Juz` 6. <https://sunnah.com/muslim:758a>.
- Abdul Qadir Bin Wan Ngah. (t.th). *Risalah Manhaj Ahl al-Sunnah*. Fatani: Saudara Press.
- Abdullah bin Hamid Ali. (2011). What Ibn Khaldun Says About The Mutashabihat?. *LAMPOST: Education Initiative*. <https://www.lamppostproductions.com/what-ibn-khaldun-says-about-the-mutashabihat/>.
- Ahmad Fathy al-Fatani. (2002). *Ulama Besar Dari Patani*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Fathy al-Fathoni. (25 Januari 2012). Sheikh Abd Qadir Hj Wangah (Baba Dir Sekam) Tokoh Ulama Usuluddin Dari Fathoni. *Ibadurrahman* <https://ibadurrahman99.wordpress.com/2012/01/25/sheikh-abd-al-qadir-hj-wangah-ayah-dir-sekam-tokoh-ulama-usuluddin-dari-fathoni/>. 14 Oktober 2017.
- Al-Baghdadi, Abu Manshur Abdul Qahir bin Thahir. (t.th). *Al-Farq baina al-Firaq*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Baba Ismail Sepanjang. (12 Disember 2017). *Daurah Kitab Mawaqifil Marjan: Ayat Muhkamat & Mutashabihat*. (Video). Kuala Terengganu: Youtube.
- Muhammad Idrus Ramli. (2009). *Madzhab al-Asy'ari: Benarkah Ahlussunnah Wal Jama'ah? Jawapan Terhadap Aliran Salafi*. Surabaya: Khalista.
- Muhammad Murtadha al-Zabidi. (t.th). *Ithaf al-Sadat al-Muttaqin*. Bil. 2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Muhammad Razif Mohammad Fuad. (2018). Al-Afkar 11: Implikasi Ucapan “Kalau Saya Tuhan. Saya Tak Jadikan Kamu. Dah Lama Saya Hapuskan”. *Mufti Wilayah Persekutuan*. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/2361-al-afkar-11-implikasi-ucapan-kalau-saya-tuhan-saya-tak-jadikan-kamu-dah-lama-saya-hapuskan-21-Ogos-2019>.
- Mustafa bin Abdullah & Ahmad Nazri bin Zainol. 01 Disember (2011). Ayat Sifat Menurut Tafsiran Fakhr Al-Din Al-Razi Dalam Karyanya Tafsir al-Kabir. *QURANICA: International Journal of Quranic Research*. Bil. 1. <http://mjs.um.edu.my/index.php/quranica/issue/view/793>.
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali et al. (2012). *Akidah Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah di Malaysia: Cabaran dan Isu Kontemporari*. Negeri Sembilan: Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan.
- Syed Salim bin Syed Shamsuddin, Wan Mohd Fazrul Azdi bin Wan Razali, Mohammad Aizuddin Bin Abdul Aziz & Mohd Faisal Bin Mohamed. (2019). Metodologi Penulisan Risalah Manhaj Ahli Sunnah Oleh Abdul Qadir Bin Wangah (Ayah Dir Sekam): Analisis Integrasi Ilmu Usul Fiqh, Usuluddin dan Mantik. *Jurnal Sains Insani*. Vol. 4. (2).
- Yusuf al-Qaradhawi. (2014). *Isu Akidah antara Salaf dan Khalaf*. Terj. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.